

# Pelajar MRSM yakin berbahasa Inggeris

» Program di Pusat Bahasa ELS turut dedah kepelbagaiannya budaya antarabangsa



Pelajar MRSM  
Kuala Krai,  
Kelantan,  
**dalam majlis**  
**pengijazahan** untuk  
**Progam**  
**Intensif**  
**Bahasa**  
**Inggeris.**

Oleh Khairunnisa

Kamarudin

khairunnisa@bharian.com.my

## ► Subang Jaya

S eramai 40 pelajar MRSM Kuala Krai, Kelantan dianugerahkan Sijil Penyertaan Program Intensif Bahasa Inggeris apabila berjaya menamatkan kursus intensif selama sebulan di Pusat Bahasa ELS, Subang Jaya, di sini baru-baru ini.

Program itu ialah kerjasama pintar Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) serta Pusat Bahasa ELS untuk membolehkan pelajar sekolah menengah menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Pengerusi program, Dr Jayakaran Mukundan berkata, pemilihan pelajar dilakukan oleh pihak MRSM Kuala Krai, manakala UPM menyediakan modul kursus dibantu kakitangan Pusat Bahasa ELS.

"Kita menjalankan Program Sekolah Angkat UPM ini berlainan dari konsep program anak angkat yang kebiasaan-nya dilakukan oleh pihak lain iaitu kita mahukan pelajar ini dapat menguasai Bahasa Inggeris untuk jangka masa panjang.

"Program ini ialah program jangka pendek namun kesannya juga untuk jangka masa panjang iaitu hasilnya kita dapat mereka ini dapat men-

guasi bahasa kedua itu dengan baik walaupun dalam tempoh singkat dan seterusnya mempraktikkannya apabila kembali ke sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan Program Intensif Bahasa Inggeris di Pusat Bahasa ELS.

Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah ELS (Malaysia), Puan Sri Aishah Shamsuddin dan Pengarah Akademik ELS Subang Jaya, Yvonne Gruberska.

Dilaksanakan menerusi Program Sekolah Angkat UPM, kursus intensif itu bukan sekadar membolehkan pelajar mempelajari dan menguasai



*Kita menjalankan Program Sekolah Angkat UPM ini berlainan dari konsep program anak angkat yang kebiasaan-nya dilakukan oleh pihak lain"*

**Jayakaran Mukundan,**

Pengerusi Program



Sebahagian pelajar MRSM Kuala Krai yang menamatkan Program Intensif Bahasa Inggeris selama sebulan.

kemahiran itu, malah mendedahkan mereka mengenai kepelbagaiannya budaya pelajar dari luar negara.

Terdahulu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Menengah MARA, Mohd Amin Din dalam ucapannya, berharap lebih banyak program seumpama itu akan diadakan pada masa akan datang berikutnya peningkatan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar yang terbabit dalam program sama tahun lalu.

Katanya, ketika program sama yang membabitkan 30 pelajar diadakan tahun lalu, semua mereka berjaya mencatat keputusan baik dan sederhana berbanding yang gagal sebelum mengikuti program itu.

Sementara itu, pelajar yang ditemui, Nur Hamimi Athirah Rohimi, 16, berkata program intensif berkenaan berjaya meningkatkan keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa Inggeris.

"Sebelum ini saya tidak yakin untuk bertutur dalam bahasa Inggeris kerana bimbang kesalahan tatabahasa serta diketawakan oleh rakan tetapi selepas sebulan mengikuti program ini keyakinan semakin bertambah."

"Keyakinan saya bertambah selepas mendapat tunjuk ajar daripada tenaga pengajar di sini selain berpeluang berkenalan dengan pelajar antarabangsa sekali gus mempelajari bahasa dan budaya mereka di Pusat Bahasa ELS ini," katanya.